



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

## KONVENSYEN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI NEGARA 2018 (NAFAM 2018)

**PUTRAJAYA - Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara 2018 (NAFAM 2018)** dianjurkan Kementerian Kerja Raya (KKR) selaku kementerian yang menerajui pengurusan infrastruktur, aset dan fasiliti negara. Konvensyen kali Ke-3 ini merupakan anjuran bersama WMIT Group, Malaysia dan turut disokong oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), badan-badan profesional, universiti-universiti awam, syarikat swasta dan pakar-pakar dalam bidang aset dan fasiliti. Konvensyen yang berlangsung selama dua hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ini bertemakan "***High Performance Asset: Forging Ahead***" dan mempunyai objektif :

- i. Mewujudkan platform perkongsian ilmu dan pengalaman bagi memacu hala tuju perkembangan Pengurusan Aset Negara.
- ii. Merangka pelan strategik pembangunan industri Pengurusan Aset dan Fasiliti Nasional yang lebih mampan dan berprestasi tinggi.
- iii. Meneroka teknologi inovatif dan kecanggihan pengurusan aset dalam Era Revolusi Industri 4.0.
- iv. Merintis peluang-peluang baharu dalam Industri Pengurusan Aset dan Fasiliti di peringkat global.

Konvensyen NAFAM julung kali diadakan pada tahun 2007 dan kali kedua adalah pada tahun 2009. Konvensyen ini telah menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman yang telah banyak memberikan impak positif secara langsung terhadap hala tuju serta penambahbaikan polisi pengurusan aset dan fasiliti negara ke arah yang lebih mampan dan berprestasi tinggi.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

Telefon : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Fax : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Konvensyen ini berjaya menghimpunkan seramai 38 pembentang kertas kerja yang terdiri daripada 18 orang pakar dan penggiat industri dari dalam dan luar negara. Pembentang kertas kerja pakar antarabangsa NAFAM 2018 adalah:

- i. Thomas L Mitchell (Senior Vice President FM3IS Associates, USA)  
Tajuk: *The Future of AFM in The Era of IR 4.0*
- ii. Chris Champion (CEO Institute of Public Work Engineering Australasia)  
Tajuk: *Asset Management Financial System*
- iii. Stan Mitchell (CEO Key Facilities Management, United Kingdom)  
Tajuk: ISO 41000: *Towards Certification Process*
- iv. Peter Kohler (Director The Asset Management College, Australia)  
Tajuk: *Embracing ISO 55000*
- v. Adjunct Associate Professor Dr. Kang Kok Hin (Nanyang University of Technology, Singapore)  
Tajuk: *Data Analytic for Integrated Asset Management*

Selain itu, terdapat juga 5 simposium *parallel session* dengan pembentangan kertas kerja oleh pakar-pakar industri dan pelajar pascasiswazah yang dikendalikan oleh moderator yang berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Perasmian NAFAM 2018 telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, YB Baru Bian dan ia telah dihadiri lebih 1,000 peserta mewakili pelbagai kementerian, kerajaan negeri, agensi kerajaan dan swasta, badan profesional, penggiat industri, golongan akademik serta pelajar-pelajar pascasiswazah. NAFAM 2018 turut berpotensi untuk meneroka secara mendalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0, konsep *asset monetization* dan pemerkasaan industri aset dan fasiliti melalui institusi yang bersepadu

Menteri Kerja Raya turut melawat 30 gerai pameran yang mempamerkan maklumat terkini, produk dan perkhidmatan berkaitan Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara. Majlis penutupan Konvensyen NAFAM 2018 disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob pada hari kedua konvensyen, 9 Oktober 2018.

## KEMENTERIAN KERJA RAYA 8 OKTOBER 2018

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

¶ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | ¶ : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my